

KONSEP *EUROPEAN MUSLIM* DAN *DAR AL SHAHADAH* DALAM PEMBENTUKAN IDENTITI MUSLIM KONTEMPORARI MENURUT TARIQ RAMADAN

Nor Faridah binti Mat Nong

National University of Malaysia, Selangor, Malaysia

azuber_dq@hotmail.com

ABSTRACT

Kajian ini membincangkan tentang pembentukan identiti Muslim kontemporari khususnya di kalangan masyarakat Islam yang hidup di Eropah, spesifikasi dalam pemikiran Tariq Ramadan. Perkembangan minoriti Muslim selepas perang dunia kedua menunjukkan perubahan dan perpecahan kepada generasi pendatang apabila berlaku pertembungan di antara pembangunan sekular dan cara hidup tradisi memberi impak negatif terhadap identiti keagamaan mereka. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui kaedah Tariq Ramadan dalam menangani krisis identiti Muslim kontemporari khususnya dalam arus kemodenan Eropah dan kajian ini menggunakan metode perpustakaan serta temu bual. Dua skop kajian diteliti dalam Konsep European Muslim dan Dar al-Shahadah akan di analisis berdasarkan pendekatan Iman, Amalan & Spiritual; Pendekatan Sumber Islam & Konteks Semasa; Pendidikan & Penyiaran, dan; Tindakan & Penyertaan. Hasil kajian awal menunjukkan bahawa pembentukan identiti generasi Muslim Eropah perlu diukur berdasarkan ruang dan konteks semasa dalam kaedah ijtihad tanpa rigid kepada budaya tertentu semata-mata, supaya konsep identiti Muslim difahami berdasarkan etika Islam sepenuhnya.

KEYWORDS

muslim identity; european muslim; dar al-shahadah

PENGENALAN

Identiti merupakan gambaran keperibadian yang dibawa oleh seseorang atau sekumpulan masyarakat terhadap sikap, tingkah laku serta sifat yang wujud dalam

diri mereka. Konsep identiti yang ditonjolkan seseorang dapat menilai, meneliti watak, budaya, serta kehidupan manusia. Islam juga mengajar umatnya supaya membentuk keperibadian identiti yang baik terhadap pembinaan sahsiah diri bermula sejak kecil lagi. Keperibadian yang baik pula akan menghasilkan sebuah masyarakat yang mempunyai etika dan moral yang tinggi.

Pembentukan identiti dalam masyarakat Muslim Eropah sangat berhubung kait dengan sejarah kedatangan dan perkembangan Islam ke Benua Eropah pada abad ke 19 M selepas fasa peperangan Dunia kedua. Walau bagaimanapun, selepas beberapa tahun berlaku pertambahan Muslim yang semakin ramai sama ada sebagai pelarian, penyatuan keluarga, pelajar mahupun pemohon suaka politik (Stepien 2005: 15). Senario penghijrahan Muslim ke Eropah seperti yang di sebut dalam laporan European Union's Military Committee (2006) juga mendedahkan bahawa kebanyakan imigran yang paling menonjol adalah daripada Negara Turki, Maghribi, dan Yugoslavia, Pakistan, Afrika dan Bangladesh. Di samping itu, terdapat juga sebilangan kecil imigran yang berasal dari negara Asia, Somalia, Timur Tengah dan negara jajahan yang lain. Walaupun begitu, tidak boleh dinafikan bahawa golongan imigran ini mempunyai ideologi dan fahaman mazhab yang berbeza dalam mengaplikasikan Islam seperti aliran Sunni, Syi'ah, Salafi, Mazhab Shafi'e, Hanafi, Maliki dan Hambali.

Manakala, dari sudut perolehan kewangan majoriti imigran Muslim Eropah adalah diisi dengan jawatan berkemahiran rendah. Kebanyakan mereka cenderung kepada sosioekonomi yang terpinggir kerana keadaan kelas mereka. Justeru, peminggiran ini telah memberi kesan negatif terhadap taraf hidup mereka dengan kadar pengangguran yang tinggi di antara 2% sehingga 8% bagi populasi penduduk Muslim yang lebih ramai di sesuatu kawasan (International Centre for Migration Policy Development 2003).

Dalam perangkaan populasi masyarakat Islam Eropah sehingga tahun 2012, yang didedahkan menerusi laman web *Islamic Population Worldwide*¹, penduduk Islam Eropah telah mencecah sehingga 56.04 juta daripada populasi keseluruhan sebanyak 740.1 juta dan ini menjadikan Islam sebagai agama kedua terbesar di Eropah dan cepat berkembang serta diterima oleh masyarakat Eropah. Namun begitu, generasi kedua² Muslim di Eropah dilihat mengalami perubahan identiti berbanding generasi awal seiring dengan kemodenan yang dicapai di Eropah. Golongan generasi muda Muslim ini terpaksa berhadapan dengan cabaran yang besar dalam memenuhi tuntutan agama dan memelihara identiti Islam dalam pelbagai aspek kehidupan disebabkan masyarakat Islam hari ini telah digambarkan dengan pelbagai dakwaan antaranya militan, pengganas, ekstremis dan istilah-istilah negatif yang lain. Berdasarkan fakta berikut, penulis beranggapan bahawa penghijrahan Muslim telah menjadi titik tolak kepada perkembangan Islam di Eropah. Pertambahan ini merupakan satu perkara penting untuk dilihat secara


¹ Sila rujuk <http://www.islamicpopulation.com> :10 November 2011.

² Generasi kedua ialah '*those born in the country of immigration or (more broadly) those who arrived before primary school-grew up in unfavorable circumstance*' (Crul dan Vermeulen 2003 :971).

terperinci kerana khususnya dalam pembentukan identiti Muslim generasi seterusnya.

Justeru itu, penulisan ini akan meneliti pendekatan Tariq Ramadan dalam menangani permasalahan identiti Muslim Eropah sebagai satu alternatif untuk memahami dan mengaplikasikan Islam dalam konteks kehidupan mereka. Tariq Ramadan dikenali sebagai tokoh kontemporari yang terlibat secara langsung dalam pembangunan identiti Muslim Eropah lebih dua puluh lima tahun, mempunyai identiti Eropah³ dan Muslim serta banyak menulis tentang perkara yang berkaitan pembentukan dan cabaran Muslim Eropah masa kini. Antara pendekatan penting yang diketengahkan oleh Ramadan berkaitan pembentukan identiti Islam adalah konsep *European Muslim* dan konsep *Dar al-Shahadah*. Namun begitu, untuk melaksanakan konsep *European Muslim* dan konsep *Dar al-Shahadah* yang diketengahkan oleh Ramadan perlu memenuhi empat elemen penting yang menjadi asas Ramadan dalam pembentukan identiti Muslim. Elemen yang diperkatakan adalah: Iman, Amalan & Spiritual; Pendekatan Sumber Islam & Konteks Semasa; Pendidikan & Penyiaran, dan; Tindakan & Penyertaan (Ramadan 2004).

Keempat perkara asas tersebut menjadi penekanan penting bagi Ramadan dalam menghuraikan konsep identiti Muslim dan tidak mengaitkannya dengan mana-mana budaya khususnya budaya Arab. Apabila ditinjau secara teliti, penulis beranggapan keempat unsur penting dalam konsep tersebut bukan merupakan perkara baru, malahan sebagai penyusunan terperinci yang merangkumi keperluan dan kepentingan masyarakat Muslim Eropah kerana perkara tersebut telah sedia ada dalam sumber Islam dan ilmuwan Islam yang lain juga mengambil inti pati sumber tersebut mengikut perspektif dan kepentingan tempat masing-masing.



[1] *Iman sebagai titik pusat diikuti dengan amalan keagamaan dan spiritual.*

³Berlatar belakang warga Muslim Eropah yang berkerakyatan Switserland, berbangsa Arab, membesar dalam suasana di Eropah dan beragama Islam seperti mana diakui sendiri oleh Tariq Ramadan (2010: 38) dalam petikannya: *"I have long been repeating to Muslims and to my fellow-citizens that I am swiss by nationality, Egyptian by memory, Muslim by religion, European by culture, universalistic by principle, Moroccan and Mauritian by adoption."*

[2] Membina kefahaman al-Quran & Sunah dalam ruang masa hidup untuk mengekalkan cara beragama.

[3] Mengaktifkan pendidikan dan penyertaan sebagai Muslim

[4] Membentuk ekspresi jati diri dengan tindakan dan penyertaan dalam masyarakat.

Gambar 3. 1 Kerangka konseptual identiti Muslim Sumber: Diolah daripada Ramadan 2004

Ini bukan bermakna bahawa Muslim Eropah perlu memikirkan perkara baru untuk membangunkan identiti mereka, tetapi Islam yang ada seharusnya dihubungkan dengan ruang sosial dan perkembangan masa yang bersifat dinamik serta boleh diselaraskan dengan keperluan integrasi Muslim dalam sesebuah masyarakat. Sebagaimana yang Ramadan (2010: 43) jelaskan:

Western Islam is exactly the same nature: it is an Islam that respects the common creed, practices, and principles and makes the various western and European culture its own. We are witnessing the birth of a western Islamic culture within which Muslims remain faithful to fundamental religious principles while owning up to their Western cultures. They are both fully Muslims as a religion and fully Western as to culture.

Walau bagaimanapun, apabila ditinjau dengan lebih diteliti dalam rajah yang merangkumkan elemen asas identiti Islam, pengkaji juga melihat bahawa identiti Muslim itu sewajarnya difahami secara mendalam terhadap konsep tauhidnya di mana iman, amalan dan spiritual menjadi titik utama dan perkara mendasar dalam menentukan pembentukan identiti Islam seseorang.

Justeru, penulis sangat bersetuju dengan apa yang diperkenalkan oleh Ramadan yang mana pangkal utama adalah tauhid yang menjadi pusat perjalanan Muslim dan dalam masa yang sama Muslim itu sendiri perlu bersedia untuk menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat yang perlu aktif secara langsung dalam kerja sosial dalam masyarakat yang mereka tinggal. Ini juga yang berlaku ketika mana Rasulullah s. a. w berhijrah ke Madinah. Baginda secara langsung melibatkan diri dalam membangun masyarakat Madinah, mempersaudarakan masyarakat tempatan dan imigran di kalangan kaum *Muhajirin* dan *Ansar*, mengadakan perjanjian di antara golongan Muslim dan bukan Muslim serta menyebarkan dakwah Islam di mana Islam menjadi agama minoriti pada peringkat awalnya (al-Nadawi 2001: 153, 159, 171-179 & 200-201; Ramadan 2007: 76-78, 57-58). Manakala, Muslim yang pasif dan tidak proaktif terlibat dengan masyarakat setempat dan berusaha menjauhkan diri mereka, tidak boleh menjadi saksi kepada manusia (*liyakunu shuhada' ala al-nas*) dan tidak melaksanakan kewajipan mereka sama ada sebagai Muslim mahupun ahli warganegara seperti mana Firman Allah s. w. t yang bermaksud :

Dan Demikianlah (sebagaimana kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan yang adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi saksi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah

(Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu (al-Quran, al-Baqarah 2, 143)

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) (al-Quran, ali 'Imran 3, 110)

KONSEP EUROPEAN MUSLIM

Dalam membincangkan tentang identiti Islam di kalangan minoriti Muslim Eropah, Ramadan memperkenalkan konsep *European Muslim* sebagai satu langkah baru untuk menghadapi suasana globalisasi di Eropah. Konsep *European Muslim* ini di definisi oleh Ramadan sebagai '*a new culture that fits in my new environment while respecting my religious values*' (Ramadan 2010: 42).

Penekanan yang diketengahkan oleh Ramadan dalam konsep ini adalah bentuk mengekalkan identiti agama dan pelaksanaan peranan serta tanggungjawab sebagai ahli kepada warga negara Eropah. Idea menjadi warga Muslim Eropah sepenuhnya bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan kepada proses yang panjang dan perlu bermula dari dalam diri generasi Muslim itu sendiri untuk berdepan dengan konteks secara realiti. Justeru, pembentukan dalam dua identiti (Islam + Eropah) tidak akan bertentangan jika merujuk dalam konteks dan lingkungan identiti yang diperkatakan kerana apabila dilihat dari sudut agama, seseorang itu berpegang kepada identiti agamanya. Manakala, di sudut politik, dia berpegang kepada identiti negara.

"In the realm of religion and philosophy, that imparts meaning to life, a human being is first and foremost an atheist, a Buddhist, a Jew, a Christian, or a Muslim: her or his passport or nationality cannot answer the existential question. When an individual must vote for a candidate at an election, she or he is first an American, Italian, French or British citizen involved in national affairs. Depending on the realm or the field of activity, the individual therefore puts forward one identity or another, and that is not contradictory" (Ramadan 2010: 36-37)

Dalam masyarakat umum, bentuk *European Muslim* ini akan memenuhi konsep *ummah* itu sendiri apabila merujuk kepada penilaian universal Islam. Perkara tersebut berdasarkan kepada pemahaman terhadap kontrak perjanjian '*The notion of contract*' di mana Muslim perlu mematuhi dan menghormati peraturan yang tersurat dan tersirat dalam sesebuah negara dan perlembagaan yang mereka diami. Secara khususnya, mengetahui (*ya'tarif*) hak undang-undang dan bertindak dalam ruang perundangan yang dibenarkan sahaja (*yaltazim bi al-qawanin*). Sebagai Muslim, mereka sendiri tahu apa yang dibenarkan kepada mereka dan apa yang tidak sewajarnya menjadi identiti mereka walaupun mereka tinggal di negara majoritinya bukan Islam. Hal ini berdasarkan kepada Firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang-orang yang beriman, yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikit pun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah maha melihat akan apa yang kamu lakukan (Al-Qur'an, al Anfal 8: 72).

Melalui perjanjian yang diperkatakan di atas, sudah tentu menjadi syarat wajib bagi generasi Muslim yang telah menjadi kerakyatan Eropah terikat dengan prasyarat tertentu untuk mengesahkan kerakyatan Eropah. Dengan kata lain, generasi Muslim yang lahir di Eropah telah menjadi ahli kerakyatan Eropah dan mereka wajib mematuhi perjanjian sebagai memenuhi tuntutan sebagai warga negara. Justeru, Ramadan mengukuhkan pernyataan tersebut dengan mengambil nilai universal yang di bangunkan dalam Islam iaitu keadilan, tanggungjawab dan hak dalam perjanjian sebagai tuntutan penyaksian keimanan mereka bertepatan dengan inti pati penting *Maqasid al-Syari'ah*. Ramadan (1999:101) menyifatkan bahawa perkara tersebut adalah penting untuk keluar daripada sebarang krisis identiti dan mempertahankan agama, kehidupan, akal fikiran, keturunan dan harta.

Seterusnya, Ramadan (2004:92) menjelaskan konsep *EuropeanMuslim* yang diperkatakan ini dibangunkan melalui tiga perkara penting iaitu:

- 1) konsep kekitaan (*belonging*) berasaskan iman, agama dan persaudaraan yang boleh mengikat hubungan Rabbani di mana kesedaran yang lahir daripada hubungan itu mewujudkan penglibatan aktif dan positif dalam masyarakat daripada unit kecil keluarga sehingga ummah yang lebih besar.
- 2) Dengan cahaya iman dan konsep kekitaan tersebut, diterapkan matlamat keadilan dalam setiap tindakan dan keadaan Muslim dengan melihatnya sebagai kewajipan mereka di kalangan individu ataupun masyarakat untuk menunjukkan kebenaran, kejujuran, keadilan dan kesetiaan.
- 3) Perjanjian yang berlaku di antara Muslim menjadi penentu kepada kedudukan, tugas dan hak mereka, di mana perjanjian tersebut perlu dihormati dan apabila wujudnya perbezaan dalam ruang kepercayaan agama dan kesetiaan, ianya perlu diselesaikan dalam bentuk rundingan dan perbincangan.

Dengan kriteria yang dinyatakan di atas, penulis berpandangan bahawa Muslim boleh terus membangun dalam lingkungan identiti Islam dan mencapai objektif keamanan dan kesejahteraan walaupun mereka berada pada posisi minoriti. Manakala, perjanjian kewarganegaraan yang mengikat Muslim, membolehkan hak-hak mereka diperolehi dan ditunaikan dengan hasil kesetiaan yang disumbangkan tanpa menjejaskan pegangan keagamaan mereka. Ini menunjukkan bahawa tidak

ada pertembungan dalam konsep *EuropeanMuslim*, malahan lebih banyak membawa kebaikan dan keuntungan kepada Muslim dan *non-Muslim*. Ramadan menjelaskan dengan lebih terperinci bahawa:

“Muslim identity” responds to the question of being and as such is essential, fundamental, primal, and primordial, because it contains the justification for life itself. The concept of nationality, as it is understood in the industrialized countries, is of a completely different order: as an element of identity, it organizes, from within both a given constitution and a given space, the way in which a man or woman is related to his or her fellow-citizens and to other human being. Muslim identity is a response to the question: “Why?,” while national identity is a response to the question: “How?” (Ramadan 2004:93)”

Seterusnya Ramadan (2004:95-96) menambah lagi bahawa tiga prinsip yang perlu bagaimana untuk menyeimbangkan identiti Muslim dalam ruang Eropah iaitu: sumber Islam membenarkan Muslim untuk tinggal di Eropah; Perjanjian perlu dihormati selama mana tidak ada golongan yang menentang kepercayaan mereka, dan; Sebarang pertentangan yang wujud dalam rujukan Islam memerlukan kepada penelitian khusus daripada ilmuwan Islam untuk memperoleh penyelesaian sama ada dalam kepercayaan agama dan keahlian warganegara.

Pengkaji mendapati bahawa, pembangunan terhadap *EuropeanMuslim* tersebut, bukan bermakna Ramadan mencipta Islam yang baru dan berbeza dengan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s. a. w, tetapi Ramadan masih membawa gagasan Islam yang sama, prinsip yang sama dan nilai-nilai yang sama dengan menambah pendekatan yang lebih relevan dalam aspek tempatan dan kebudayaan.

“when we speak about European Islam, we say European or Canadian Islam, American Islam, Western Islam, we say Western as to the culture and Islamic as to principles; one Islam and many Islamic cultures” (Ramadan 2012)

Untuk mengelak daripada berlakunya krisis identiti di kalangan Muslim Eropah, Ramadan (2010:87-88) menggariskan “*The Seven Cs*” sebagai langkah pengukuhan kepada *European Muslim*, khususnya bagi mereka yang mempunyai pelbagai latar peribadi yang pelbagai. “*The Seven Cs*” tersebut adalah keyakinan (*Confident*); berterusan (*Consistency*); sumbangan (*Contribution*); kreatif (*Creativity*); saling berkomunikasi (*Communication*); persaingan (*Contestation*), dan; belas kasihan (*Compassion*). Keyakinan adalah manifestasi yang lahir dari iman kepada bentuk kesejahteraan dan ketenangan di mana ianya perlu diadaptasi dengan cara yang berterusan. Seterusnya sebagai warganegara, Muslim perlu menyumbang tenaga dan intelektual dalam pembangunan negara dengan daya usaha yang kreatif. Di samping itu, Muslim juga perlu berani dalam menyuarakan pandangan, kritikan dan pembaharuan melalui komunikasi yang berkesan.

Sebagai mencapai objektif tersebut juga, masyarakat Muslim memerlukan kepada proses *deconstruction* dan *reconstruction*. Perkara pertama yang perlu dikeluarkan dalam rangka pemikiran Muslim adalah perbezaan dalam ruang agama dan budaya kerana agama dan budaya diletakkan sebagai perkara yang saling berkait antara satu

sama lain. Justeru, penelitian kembali kepada kebudayaan Islam adalah perlu dalam agama walaupun ia memakan masa yang panjang kerana sering berlaku kecelaruan untuk menentukan yang mana agama, budaya dan adat tradisi (Ramadan 2010:43).

Penulis mendapati bahawa penelitian kepada proses *reconstruction* ini juga pernah dibincangkan oleh Sardar⁴ yang menulis perkara sama apabila memperkatakan berkaitan Muslim dan masa depan Islam. ini membuktikan pembentukan norma Eropah Islam ini telah berkembang pesat di Eropah pada masa kini dan ia mulai diberi perhatian serius di kalangan ilmuwan Islam Eropah untuk menjadi penyelamat kepada identiti dan integrasi Muslim.

Walaupun begitu, perbezaan jelas dapat dilihat dalam proses pembangunan *Euro-Islam* yang dibawa oleh Tibi dalam "*Europeanization of Islam*". Penerapan Islam yang direformasi dalam bentuk fahaman baru yang lebih liberal dan terbuka kepada nilai-nilai Eropah. Inti asasnya dibangunkan dalam bentuk pencerahan kepada toleransi, pluralisme dan sekularisme. Manakala konsep jihad dan syariah perlu dikaburkan dalam memperkenalkan nilai Islam di Eropah agar ia boleh berjalan seiring dengan modenisasi sama ada dalam demokrasi, hak asasi manusia dan masyarakat sivil (Tibi 2008: 180)

Dalam analisis pengkaji mendapati, Tibi hanya mengambil sebahagian nilai yang ada dalam Islam dan membuang sebahagian yang lain supaya ajaran Islam lebih bersifat liberal dan tidak mengongkong dengan peraturan dan amalan tertentu. Pelaksanaan identiti Islam ditonjolkan hanya apabila difikirkan sesuai dengan kehendak Eropah semata-mata. Ini juga turut diperakui oleh Karim (2010: 49) yang menyatakan idea dasar *Euro-Islam* ini adalah *Laïcité* di mana pemahaman terhadap toleransi dan liberal akan melebihi pentafsiran biasa toleransi Islam bila dibandingkan dengan budaya moden hari ini kerana *Euro-Islam* tersebut telah menerima nilai-nilai politik sekular Eropah ke dalam identiti keagamaan Muslim.

Namun begitu, karim (2010: 43) menambah bahawa proses pembentukan konsep *Euro-Islam* bukan muncul dalam keadaan yang tunggal yang pada awalnya tetapi ia lebih kepada bentuk wacana. Selepas daripada itu, konsep tersebut berubah menjadi norma dalam menempatkan Islam sesuai dengan masyarakat sekular yang cuba diimplementasikan dan diperjuangkan oleh masyarakat sivil dan pemikir-pemikir Eropah. Selain itu, melalui dialog peradaban dan seminar-seminar juga diterapkan kesedaran supaya konsep *Euro-Islam* dapat diterima sebagai penyelesaian krisis identiti Muslim Eropah.

Justeru, penulis berpandangan bahawa perbezaan yang dapat dilihat daripada apa yang diperkenalkan oleh Ramadan dalam konsep "*EuropeanMuslim*" boleh

⁴Sardar (2003:35-46) mencadangkan supaya Muslim membina semula cara hidup dan budaya dan ketamadunan Islam seumpama bata demi bata sehingga terbina sebuah rumah. pembinaan semula tersebut perlu bermula dengan menghuraikan *worldview* Islam itu sendiri yang akhirnya dikembangkan kepada ruang sosial, ekonomi dan politik berdasarkan perbincangan dan kajian lepas tentang Islam. Proses ini bukan perkara yang perlu dipelajari akan tetapi ia perlu dilaksanakan secara sistematik dan perubahan yang berterusan.

dikatakan bahawa, pegangan kuat terhadap asas ketauhidan, penerimaan syariat secara syumul dan kerohanian menjadi pakej lengkap kepada Muslim. Keadaan ini dilihat sebagai suatu alternatif yang baik kepada minoriti Islam Eropah secara umumnya. Melalui pegangan sumber al-Quran dan Sunah secara lengkap serta meneliti nilai positif yang bersifat universal dibangunkan seiring dengan perkembangan Eropah membuka jaringan seimbang kepada perkembangan Islam dan keamanan sejagat.

Nielsen (2007:45) turut memperakui '*Euro-Islam*' yang diperkenalkan oleh Ramadan boleh mengelak daripada terjerumus ke dalam ruang pandangan sempit dan mengancam Muslim itu sendiri. Malahan, konsep tersebut boleh membuka jalur lebar ke arah peluang-peluang yang baik di antara Islam dan Europe. Manakala Kamaruzzaman (2012), melontarkan pandangan bahawa konsep *European Muslim* ini wajar dilaksanakan dalam kelompok yang digelar minoriti. Namun begitu, perlu di ingat bahawa selagi ia tidak melanggar prospek asas khususnya yang berkaitan dengan akidah dan identiti Muslim itu sendiri, idea ini boleh diteruskan untuk mengabung di antara menjadi Muslim dan menjadi Eropah.

Dengan demikian, apabila merujuk kepada perbincangan di atas, pengkaji mendapati bahawa konsep *European Muslim* yang diperkenalkan oleh Ramadan telah memberi versi baru perkembangan generasi Muslim Eropah bagi memperlihatkan pegangan keagamaan kekal sebagai prinsip dalaman Muslim dan kesetiaan kepada negara teras pembangunan masyarakat sivil dapat dibangunkan secara bersama. Perkara ini secara realitinya boleh membangunkan Muslim yang yakin dalam interaksi sosial mereka bersama masyarakat tempatan. Konsep ini juga membuktikan bahawa, tidak terdapat perkara yang melanggar sebarang tuntutan agama dan polisi Eropah kerana ia boleh bekerja secara bersama.

Faktor yang membawa kepada pembentukan identiti seimbang dalam antara keagamaan dan politik dalam konsep *European Muslim* pada pandangan penulis disebabkan oleh beberapa perkara yang penulis kenal pasti sebagaimana berikut:

- (a) Ketauhidan menjadi pengikat peribadi Muslim. Ramadan mengangkat asas yang paling utama dalam Islam sebagai pola yang paling mendasar dan berfungsi mengawal segala tindak tanduk Muslim. kekuatan dalaman di jelmakan ke luar membuah identiti Muslim yang bukan sahaja taat dan patuh kepada ajaran Islam malahan membuka jaringan aktif dalam masyarakat atas nama tanggungjawab dan tuntutan kepada Allah dan manusia. Dalam keadaan inilah Muslim akan kekal membawa bentuk identiti Islam yang aktif dan positif dalam tanggapan masyarakat.
- (b) Mengurangkan jurang kelemahan dan mengangkat perpaduan berasaskan nilai kesamaan. Bacaan Ramadan ini mengarah kepada fitrah kejadian manusia di mana setiap manusia akan didorong kepada nilai baik dan positif dalam hidup mereka. Melalui penyatuan kepada membangun nilai positif akan mewujudkan masyarakat yang boleh bersatu hati dan berganding bahu dalam melaksanakan sebarang bentuk visi dan misi. Manakala kelemahan yang ada dalam generasi Muslim Eropah

diluaskan dengan ilmu dan pengetahuan yang jelas boleh menjadikan identiti Muslim Eropah tetap mempunyai tanda aras yang sama dengan masyarakat sekitar mereka.

- (c) Membangun kesatuan atas nama tanah air bersama. Apabila Muslim bersama-sama boleh berganding bahu atas nilai universal yang diperjuangkan secara bersama dalam satu masyarakat Eropah bermakna mereka mampu mengangkat aspek kebangsaan melebihi etnik tertentu. Aspek sumbangan menjadi kepada negara menjadi faktor kepada kesatuan ini kerana apabila Identiti etnik tidak lagi menjadi keutamaan, mereka boleh kekal dikenang sebagai Eropah Islam dengan berpaksi pada identiti Islam sebenar.

Justeru itu, penulis merumuskan bahawa konsep *European Muslim* adalah konsep yang baik bagi generasi Muslim yang bergelar minoriti dalam negara Eropah. Dengan tawaran aspek keserasian yang ditemukan dalam konsep tersebut, membuka jalan yang lebih selamat kepada Muslim dan masa depan yang lebih seimbang kepada generasi akan datang. Namun, apabila dilihat pada negara yang majoritinya Muslim seperti Malaysia, konsep tersebut bukan suatu perkara yang baru kerana Melayu Islam sudah menjadi suatu yang sehati dalam masyarakat Malaysia, begitu juga dengan etnik yang lain seperti etnik Cina Baba & Nyonya yang membangunkan kehidupan yang tidak ada beza dengan Melayu. Oleh sebab itu, bagi Muslim Eropah yang menjadi kuasa kecil dalam masyarakat mereka, sewajarnya membangunkan suatu ciri kesamaan antara keduanya untuk mengangkat nilai perpaduan dan kebangsaan.

Konsep *Dar al-Shahadah* (Space of Testimony)


Perbincangan sebelum ini membincangkan konsep *European Muslim*, alternatif Muslim dalam proses penyertaan mereka secara aktif dalam masyarakat Eropah sebagai sumbangan pembangunan bersama. Penerapan konsep di atas tidak dapat dilakukan reformasi sepenuhnya sekiranya pemahaman terhadap kekuasaan jajahan masih tidak berubah dalam konteks '*Dar al-Islam*⁵' dan '*Dar al-Harbi*⁶' semata-mata. Justeru, Ramadan menemukan suatu keadaan baru dalam ruang yang lebih terbuka terhadap jaminan perlindungan untuk kekal beragama kepada golongan minoriti Muslim dengan memperkenalkan konsep *Dar al-Shahadah*.

Dar Shahadah adalah penyaksian terhadap kewujudan tuhan yang Esa dengan sepenuh jiwa dan akal fikiran bahawa dia yang menurunkan wahyu terhadap pesuruhnya (Muhammad s. a. w) sebagai dasar utama untuk menjadi Muslim yang sebenar (Ramadan 1999: 46). Ramadan membawakan penekanan akidah, syariat dan spiritual sebagai inti pati penting yang menjadi kayu ukur kepada pembentukan Muslim dalam pembinaan konsep negara penyaksian '*Dar Shahada*'.

⁵*Dar al-Islam* : Setiap negara yang boleh melaksanakan hukum Islam bagi mengakui daerah Islam di mana pelaksanaan hukum-hukum Islam bukan disebabkan pertimbangan bilangan penduduk negara berkenaan (Abd al-Mun'im 1999:73; Maulawi 1987:98; Tubuliyak 2008:10)

⁶*Dar al-Harbi*: setiap negara yang tidak diperintah oleh penguasa Muslim dan didominasi oleh undang-undang orang kafir kerana Islam kafir adalah sifat bagi negara. Sifat itu berubah dengan berubahnya keadaan benda yang disifatkan (Tubuliyak 2008:13; Maulawi 1987:98)

Dalam menjelaskan konsep ini, Ramadan telah menterjemahkan 'Dar' kepada 'space' kerana dengan menggunakan *space* tidak menunjukkan batas yang terhad kepada tempat kediaman tertentu sahaja tetapi dengan maksud yang lebih terbuka kepada ruang teknologi dan industri dalam dunia multimedia dan ruang angkasa. Konsep yang Ramadan kemukakan ini dapat dilihat pada rajah 3. 3 di bawah.



Gambar 3. 3: Susunan Baru Dunia: Pusat dan pinggiran

Sumber: Ramadan 2004

Dalam konsep ini, Ramadan (2004: 73-75) menjelaskan secara terperinci, bahawa terminologi '*Shahada*' itu sendiri menggambarkan dua inti pati penting iaitu: Pertama, terminologi '*Shahada*' apabila dirujuk kepada setiap orang Islam merupakan penyaksian terhadap tuhan, seluruh makhluk dan pembina identitinya dengan kalimah "Tiada tuhan melainkan Allah, dan Muhammad itu pesuruhnya"; Kedua, kesinambungan dan hubung kait antara tanggungjawab akidah Muslim yang berdasarkan pada ayat al-Quran yang bermaksud "kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang perkara yang benar dan yang salah)⁷" sebagai perkara asas kepada penyaksian '*idea of Shahada*' dan kewujudan pencipta dalam bentuk kerohanian dan akhlak. Namun begitu, untuk lebih memahami konsep *Shahada* tersebut, di jelaskan enam fungsi, di mana tiga daripadanya adalah merujuk kepada identiti Muslim dan tiga yang lain adalah merujuk kepada peranan Muslim Eropah dalam masyarakat mereka, iaitu:

(a) Pembentukan identiti individu Muslim

- i. Ikrar syahadah merupakan lambang keimanan dan asas identiti Muslim terhadap kepercayaan kepada rukun Iman dan nilai-nilai Islam yang bersumber kepada wahyu serta mereka menjadi satu ummah dalam masyarakat.
- ii. Berasaskan pada keimanan tersebut, memberi ruang yang sama kepada bentuk praktikal identiti Islam dengan menunaikan rukun Islam

⁷ Al Qur'an, al-Baqarah 2: 143

berdasarkan ayat al-Quran “Iaitu orang yang beriman kepada perkara yang ghaib, dan mendirikan sembahyang⁸”.

- iii. Sebagai Muslim, sewajarnya mengikuti setiap perkara yang disuruh dan dilarang dalam agama serta memelihara hukum yang terdapat dalam Islam tanpa sebarang bantahan.

(b) Peranan Muslim dalam masyarakat

- i. Ikrar syahadah dan Iman merupakan suatu bentuk amanah dengan menunjukkan penghormatan ke atas setiap makhluk kejadian tuhan berdasarkan kepada kepercayaan, penghormatan dan lain-lain.
- ii. Sebagai Muslim yang beriman perlu membuktikan penyaksian syahadah, dengan menyampaikan Islam dan memberi penjelasan tentang agama Islam yang merangkumi idea dakwah kepada pelbagai lapisan dan golongan masyarakat.
- iii. Penyaksian syahadah tidak hanya melibatkan ucapan tetapi perlu juga bentuk tindakan yang berterusan kerana kesan syahadah boleh melahirkan pembentukan masyarakat yang positif dalam setiap lapangan, institusi dan sistem pentadbiran atas gesaan ke arah keadilan sosial berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil"⁹

Melalui penelitian pengkaji, pendekatan *Dar Shahadah* menjadi alternatif dakwah yang baik serta boleh berjalan seiring dengan identiti Muslim yang dilihat relevan dan jelas di Eropah. Perkara ini juga telah memberi perubahan besar terhadap konsep yang sedia ada dalam sejarah Islam iaitu penggunaan terminologi ‘*Dar al-Islam*’ dan ‘*Dar al-Harbi*’. Ramadan (2004: 64) menjelaskan, penggunaan terminologi tersebut dilihat tidak bersesuaian dengan konteks masyarakat Eropah hari ini kerana kewujudan terminologi itu secara asasnya tidak ada dalam sumber Islam tetapi ulama terdahulu mengangkatnya sebagai tanda untuk mengenal pasti wilayah taklukan Islam demi mewujudkan pentadbiran politik orang Islam. Mereka juga memberi perbezaan undang-undang berdasarkan suasana dan kedudukan orang Islam di negara Islam atau sebaliknya. Perkara ini disusun berdasarkan empat hikmat yang di ambil daripada peristiwa perjanjian *Hudaibiyah* ‘*sulh al-Hudaibiyah*’; iaitu: purata penduduk dalam negara; pemilikan tanah; bentuk kerajaan, dan; undang-undang yang digunakan dalam negara.

Sehubungan daripada penyusunan tersebut, Tubuliyak (2008:14) telah dalam merekodkan hasil natijah pandangan jumhur ulama bahawa tidak terdapat pada hari ini satu negara pun yang dinamakan *Dar al-Islam* iaitu negara yang melaksanakan syariah Islam ke atas rakyatnya. Manakala pertukaran dalam menyatakan *Dar al-Islam* kepada *Dar al-Harbi* atau sebaliknya tidak dapat diterima. Sebagai contoh, wujudnya keamanan dan kebebasan dalam mengamalkan keagamaan di Barat melalui saki baki syiar Islam yang masih kekal di Bulgaria,

⁸ Al Qur’an, al-Baqarah 2: 3

⁹ Al Qur’an, al-Nahl 16:90

Sepanyol dan Rusia, membuka ruang untuk amalan Muslim. Oleh sebab itu, pengkaji berpandangan bahawa pembaharuan dalam terminologi tidak boleh dianggap suatu yang salah dan bertentangan dengan Islam kerana boleh jadi ia lebih banyak memberi manfaat dan kebaikan kepada Muslim dalam mengekalkan identiti keagamaan mereka.

Justeru, Ramadan membawa bentuk dakwah era moden dengan mengikat identiti Muslim melalui konsep '*Dar al-Shahadah*' yang di anggap lebih relevan untuk diaplikasikan dalam konteks Eropah berbanding dengan konsep *Dar al-Islam* dan *Dar al-Harbi*. Ini kerana, kriteria-kriteria khusus yang ada pada konsep *Dar al-Islam* dan *Dar al-Harbi* boleh mengakibatkan Muslim merasa susah dan sukar untuk mengekalkan identiti Islam apabila tinggal di Eropah. Secara tidak langsung menunjukkan hilangnya objektif keamanan dan keselamatan dalam menentukan kedudukan Muslim kerana kedua-dua konsep tersebut hanyalah merupakan usaha manusia dalam satu masa yang tertentu untuk memberi satu gambaran tentang situasi dunia pada waktu itu. Sekalipun terminologi yang lebih longgar diperkenalkan melalui konsep '*Dar al-'ahd*¹⁰' yang dianggap munasabah untuk masa kini, akan tetapi tetap sukar diteruskan dalam jangka masa yang panjang kerana suasana geografi yang berubah di mana ekonomi, politik dan kuasa lebih bersifat demokratik dan terbuka (Ramadan 2004:66-67).

Melalui penelitian tersebut, Pengkaji mendapati bahawa kestabilan dan kerukunan dalam masyarakat minoriti Muslim yang tinggal di Eropah tidak dapat ditentukan berdasarkan syarat pelaksanaan hukum syariat sahaja kerana ruang dan keterbukaan Eropah dalam memberi kebebasan beragama lebih mencapai objektif keamanan dan kestabilan kepada masyarakatnya. Dalam menyokong kenyataan tersebut, Maulawi (1987:104) seorang ilmuwan Muslim dari Lebanon menjelaskan pembahagian *fiqh* tersebut tidak dapat menepati realiti semasa apabila melihat kepada Eropah masa kini bukanlah negara yang perlu diperangi oleh Muslim kerana: tidak ada tanda untuk berperang; wujudnya perjanjian-perjanjian di antara negara Eropah dan negara-negara yang lain turut memperakui perjanjian tersebut sebagai syarat mengelak dari sebarang keburukan, dan; apabila memasuki Eropah melalui perjanjian yang dimeterai maka tidak harus melakukan provokasi peperangan ke atasnya. Oleh sebab yang demikian, wajar untuk dikatakan rumah untuk menyampaikan dakwah '*Dar al da'wah*' berdasarkan kedudukan Rasulullah s. a. w dan orang-orang Islam yang berada di Mekah sebelum hijrah yang menjadi negara untuk menyampaikan dakwah Islam. Dengan mendukung keyakinan seruan dakwah berdasarkan Firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (١٠٧)

¹⁰ Konsep yang diperkenalkan oleh imam Syafi'e yang membawa definisi *Dar al-'ahd* sebagai negara yang bukan Islam, mengikat perjanjian damai dengan orang Islam dengan tidak mengambil daripada mereka cukai *jizyah* (Maulawi 1987:98)

Maksudnya: “Dan tiadalah kami mengutus engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk memberi rahmat bagi sekalian alam¹¹”

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْأَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَبِيمِ (١١٩)

Maksudnya “Sesungguhnya kami telah mengutus engkau (wahai Muhammad) dengan kebenaran, (serta menjadi) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar)¹²”

Konsep yang diketengahkan oleh Ramadan, boleh dijustifikasikan sebagai rentetan idea yang dilontar oleh Mawlawi sendiri iaitu konsep ‘*Dar al-Da’wa*¹³’ agar Muslim mengembangkan dakwah Islam ke dalam negara Eropah sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi s. a. w ketika berada di Mekah. Perkara ini juga disokong beberapa ahli akademik antaranya Kamaruzzaman (2 Julai 2012), al-Alwani (1993: 28), Zulkifli (2012), Muhammad Nur Manuty (t. th) dan Muhammad Haniff Hassan (2007) yang menyentuh tentang konsep penyebaran Dakwah adalah lebih bersesuaian dan bertepatan dengan keadaan, biah atau suasana yang ada pada hari ini kerana sangat tidak wajar apabila negara majoritinya bukan Islam yang boleh memberi kebebasan beragama dengan cara yang lebih baik dari negara yang mengaku Islam diklasifikasikan sebagai *Dar al harb*. Manakala cesari (2004:162) mengutip kenyataan al-Alwani dalam hal berikut menyatakan bahawa keadaan hari ini sangat berbeza kerana menjadi minoriti adalah sebagai suatu norma bukan pengecualian. Sebagai contoh, pemerolehan kerakyatan Eropah bukan suatu yang sukar dan mustahil kepada Muslim yang tinggal di Eropah, justeru hak minoriti perlu dilihat dalam bentuk ketauhidan, *tazkiyyah* dan *al-Umran*.

Berbeza dengan pandangan Ammann (2006) dalam kajian kes yang dilakukan oleh beliau ke atas Ramadan menunjukkan bahawa program pembaharuan Ramadan berdasarkan undang-undang individu-moral hanyalah mendukung pandangan biasa yang dirujuk daripada perbincangan ulama Arab dengan penelitian yang lebih berhati-hati dalam perbincangan tersebut. Ramadan telah menolak konsep rantaian daripada pendekatan tradisional seperti *Dar al-Islam* dan *Dar al-Harbi* dan memilih cara baru bahawa umat Islam boleh untuk mengamalkan agama mereka dengan bebas berdasarkan konsep *Dar Shahadah*, iaitu sebagai ruang di mana umat Islam menjadi saksi kepada iman mereka dan bertanggungjawab mengangkat nilai Islam yang bersifat universal yang boleh menyumbang kepada memperbaharui masyarakat Eropah.

Bertitik tolak dari kerangka yang dibincangkan dalam negara berdakwah tersebut, pengkaji berpandangan Ramadan membuka ruang yang lebih selesa dengan mengangkat tanggungjawab dakwah kepada konsep penyaksian Muslim kepada Allah terhadap dirinya, keluarga dan masyarakat agar ia dapat sampai kepada menyempurnakan amanah dalam bentuk penyertaan di dalam masyarakat mereka hidup. Kerangka yang dibangunkan ini, tidak sekadar berada dalam lingkungan

¹¹ Sila rujuk: al-Qur’an, al-Anbiya’ 21:107

¹² Sila rujuk: al-Qur’an, al-Baqarah 2:119

¹³ *Dar al-Da’wa: Dar dawatu ila Allah Ta’ala* (Mawlawi 1987:104)

sekeliling tetapi boleh berpijak pada zaman globalisasi dan pasca moden untuk kekal dalam identiti Islam.

Dalam penelitian Alam (2007:249) turut memperakui bahawa Ramadan mendukung konotasi positif dan berasas bagi masyarakat Muslim yang tinggal di Eropah. Pendekatan tersebut membolehkan Muslim berperanan sama dalam struktur pembangunan masyarakat Eropah dalam bentuk '*Islamicise Modernity*' dengan menghubungkan '*depoliticized Islam*' dikalangan Muslim dan *non-Muslim* melalui mekanisme dialog dan rundingan bersama.

Namun begitu, Ramadan (2005) menolak tanggapan yang menyatakan beliau cuba untuk memodenkan Islam kerana kemodenan bagi beliau adalah suatu keadaan di mana kita mempunyai persamaan dengan orang lain dan semua orang boleh membawa sesuatu dari tradisi mereka sendiri dengan mengekstrak nilai-nilai sejagat demi kebaikan bersama. Justeru, pengkaji mendapati Ramadan cuba memperkukuhkan kedudukan Muslim melalui penekanan terhadap peranan dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat sebagai suatu norma yang wajar dan perlu diterima oleh semua orang dengan melihat kepada nilai kesamaan yang ada dalam Islam dan Eropah.

Begitu juga dengan Mandaville (2007:4) yang menyokong pendekatan tersebut dengan menyatakan, Ramadan telah membangunkan konsep yang kritikal tentang Islam melalui dua konotasi di antara keperluan sejarah dan tradisi Islam walaupun ianya boleh mendatangkan satu bentuk kritikan (*vis à vis*, sebagai contoh, Neo-liberalisme barat). Keadaan ini dalam satu sudut membantu Muslim untuk mengatasi kebuntuan antara kritikan dan perpaduan serta agama yang digambarkan sebagai ancaman kepada keadaan yang positif.

Menurut Ourghi (2010:291), Ramadan membuka dua ciri utama dalam konsep *Dar Shahadah* iaitu: Pengenalan sistem perundangan Barat ke negara-negara Islam menyebabkan perubahan yang besar dalam masyarakat Muslim dan generasi Muslim Eropah boleh merasa selamat dan bebas untuk melihat diri mereka sebagai Eropah serta Islam. manakala Tampio (2011:21-22) merumuskan bahawa Ramadan menggabungkan konsep dari politik Islam dan Euro-Amerika yang tidak langsung memberi sebarang ancaman kepada mana-mana pihak di mana ia mampu menawarkan dialog antara agama dan perpaduan. Dengan konsep penyaksian ini, ia menjadi suatu bentuk kreativiti baru dalam menghadapi ruang globalisasi dan pluralisme antara Muslim dan *non-Muslim*.

Sehubungan dengan itu, pengkaji turut bersetuju dengan konsep *Dar Shahadah* yang dikemukakan oleh Ramadan ini, kerana idea yang komprehensif untuk tetap kekal dalam beragama walaupun berada di dalam masyarakat yang majoritinya *non-Muslim* dan medan dakwah yang lebih terbuka kepada masyarakat Eropah umumnya. Ruang penyaksian ini memberi kebebasan dan toleransi dalam konteks yang lebih luas kepada Muslim untuk melaksanakan tanggungjawab dan tidak membuktikan wujudnya sebarang ancaman kepada mana-mana pihak. Manakala idea Ramadan dalam menggunakan pendekatan ruang (*space*) berbanding rumah (*House*) adalah lebih fleksibel pada masa kini memandangkan penggunaan

teknologi maklumat tidak terhad hanya dalam skop yang kecil tetapi melibatkan alam maya dan ruang angkasa menunjukkan kepentingan dalam beragama tanpa mengira tempat tertentu sahaja. Ramadan telah mengembalikan peranan agama kepada tempat yang sewajarnya dan konsep kerohanian sebagai penyucian jiwa (*Tazkiyat al-nafs*) dalam diri generasi Muslim Eropah menjadi aspek yang baik untuk mengelak daripada sebarang krisis identiti. Pengkaji juga melihat bahawa cabaran yang diketengahkan oleh Ramadan adalah lebih kepada aspek dakwah dalam negara *non*-Muslim. Pendekatan ini hanya dapat dilaksanakan dalam negara yang melaksanakan politik yang benar-benar demokrasi sahaja kerana ia tidak pada negara yang sedang bergolak seperti Palestin dan lain-lain. Justeru itu, Ramadan turut memberi sumbangan berguna dalam pembangunan tamadun Islam dengan konsep *Dar Shahadah* dengan ideologi dakwah yang bersifat positif dan ideal di dalam negara Eropah pascamoden.

PENUTUP

Setiap individu Muslim di Eropah perlu membawa suatu kefahaman yang jelas tentang dalam penonjolan identiti Muslim Eropah. Bagaimanapun cara mereka membawa pendekatan identiti Islam ia masih berada dalam ruang pengabdian kepada Allah dengan konsep ketauhidan yang jelas di mana ia dipancarkan dari dalam diri Muslim lalu di olah kepada bentuk luaran dengan. Bentuk luaran inilah yang dikenali sebagai identiti Muslim yang berfungsi dalam bentuk tindakan dan penyertaan Muslim dalam interaksi sosial mereka dengan individu yang lain. Walau apa pun, istilah yang diperkenalkan untuk membawa kepada sesuatu penilaian yang bersifat Islam, ia tetap perlu berlandaskan kepada dua sumber autoriti utama iaitu al-Quran dan Sunah Rasulullah s. a. w. Dengan demikian, Ramadan memberikan gagasan yang secara keseluruhannya adalah baik dan wajar untuk diperbincangkan secara berterusan pada masa-masa akan datang dalam pendekatan identiti Muslim Eropah kerana masa itu bersifat dinamik dan pendekatan juga perlu seiring dengan keadaan semasa yang berlaku. Oleh itu, secara keseluruhan teori identiti Ramadan adalah melengkapi keperluan minoriti Islam Eropah dalam menonjol identiti Muslim dan pendekatan *European Muslim* dan *Dar Shahadah* adalah dilihat berdasarkan keperluan dakwah semasa melalui pengalaman Ramadan sendiri.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Mun'im, Mahmud 'Abd al-Rahman. 1999. *Mu'jam al-Mustalihat Wa al-alfaaz al-Fiqhiyyah*. Kaherah. Dar al-Fadhilah
- Al-Alwani, Taha Jabir. 1993. *Ijtihad*. USA. The International Institute of Islamic thought.
- Alam, Anwar. 2007. "Scholarly Islam" and "Everyday Islam": Reflections on The Debate Over Integration of the Muslim Minority in India and Western Europe. *Journal of Muslim Minority Affair* 27 (2) :241-255

- Ammann, Ludwig. 2006. Conservative Reform in Contemporary Western Islamic Thought: Tariq Ramadan, A Case Study <http://www.aub.edu.lb/fas/ampl/Documents/files/lectures/Ammann,%20TariqRamadanACaseStudy.pdf>
- Cesari, Jocelyne. 2004. *When Islam and Democracy Meet*. New York. Palgrave Macmillan
- Kamaruzzaman Yusof. 2012. Identiti Muslim Eropah dan Pendekatan Tariq Ramadan. Bangi. Temubual. 2 Julai
- Karim, Mochamad Faizal. 2010. Proses Munculnya Euro-Islam sebagai Transnasional Noms dikalangan Muslim Eropah. *Jurnal Kajian Wilayah* 1:41-77<http://ir.binus.ac.id/files/2012/07/euro-islam.pdf>
- Maulawi, Faisal. 1987. *Al-usus al-shariyya lil-'alaqat bayna al-Muslimin wa Ghayr al-muslimin*. Dar al-Rasyad al-Islamiyyah, Beirut
- Muhammad Haniff Hassan. 2007. *Revisiting Dar Al-Islam (Land Of Islam) And Dar Al-Harb (Land Of War)*. RSIS Commentaries Jan 1:1-3[<http://www.rsis.edu.sg/publications/Perspective/RSIS0012007.pdf>]
- Nielsen, Jorgan. 2007
- Ourghi, Mariella. 2010. Tariq Ramadan: From a Mere Co-Existence to an Authentic Contribution of Europe's Muslims. *Journal of Religion in Europe* 3: 285–309[http://www.ingentaconnect.com/content/brill/jre/2010/..../art00005\[13 Ogos 2011\]](http://www.ingentaconnect.com/content/brill/jre/2010/..../art00005[13 Ogos 2011])
- Ramadan Tariq. 2012. <http://www.parisvisionnews.com/religion/132-islam/3059--western-muslims-beyond-integration-drtariq-ramadan.pdf>
- Ramadan, Tariq. 1999. *To Be A European Muslim*. London. Islamic Foundation
- Ramadan, Tariq. 2004. *Islam, the West and the Challenges of Modernity*. Leicester. The Islamic Foudation
- Ramadan, Tariq. 2005. Interview http://www.tariqramadan.com/IMG/article_PDF/article_a205.pdf
- Ramadan, Tariq. 2010. *What I Believe*. United Kindom, Oxford University Press
- Sardar, Ziauddin. 2003. *Islam, Postmodernism and Other Futures*. London. Pluto Press
- Tampio, Nicholas. 2011. Constructing the Space of Testimony: Tariq Ramadan's Copernican Revolution. *Political Theory* XX(X): 1–30[<http://ptx.sagepub.com/content/early/2011/07/21/0090591711413546>]
- Tibi, Bassam. 2008. *Political Islam, World Politics and Europe, Democratic Peace and Euro-Islam*. New York. Routledge Toylor &Francis Group
- Tubuliyak. 2008. *Hukum Fiqh Islam Dalam Politik Minoroti Muslim*. Terj. Muhammad Haniff Hassan. Singapura. Pustaka Nasional
- Zulkifli Hasan. 2012. <http://zulkiflihasan.wordpress.com/2012/01/04/tasawwur-dakwahdan-tajdid-haraki-mendepani-isu-islam-dan-pluraliti/>